

Takrifan standard perlu diberi elak amalan pilih kasih

UM 2 APR 2002

KUALA LUMPUR 1 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) perlu memberikan takrifan standard bagi keganasan untuk mengelakkan sesetengah negara mengamalkan pilih kasih dalam memerangnya.

Menurut Perdana Menteri, negara seperti Amerika Syarikat (AS) tidak boleh dibiarkan mengambil tindakan terhadap pegganas mengikut takrifan mereka sendiri, sebaliknya membiarkan sahaja negara rakannya melakukan keganasan secara berleluasa.

“Bila keganasan dilakukan oleh kawan mereka, ia boleh dimaafkan tetapi bila ia dilakukan oleh orang yang mereka tidak suka, ia tidak boleh dimaafkan (dan) itulah masalahnya bila ada pilih kasih.

“Kita mesti mempunyai satu standard (takrifan) dan satu tindakan di seluruh dunia,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Sesi Khas Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan di Hotel Palace of Golden Horses di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, tindakan AS mendorong dunia mengambil tindakan terhadap pegganas adalah betul tetapi negara itu juga sebenarnya menyokong tindakan ganas yang dilakukan oleh Israel terhadap Palestin.

“Ini yang susah kalau kita nak sokong kerana adanya pilih kasih.

“Jika perkara ini tidak ditangani, mereka tidak boleh mengharap negara Islam untuk mengambil bahagian sepenuh-

nya dalam peperangan menentang keganasan,” ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, PBB mungkin perlu mengadakan satu persidangan antarabangsa yang tidak terbatas kepada negara Islam sahaja bagi mendapatkan konsensus mengenai istilah pegganas dan memastikan resolusi yang dibuat dipatuhi.

Menjemput

Katanya, Malaysia menjemput semua negara Islam menyertai ICFM bagi mendapatkan persetujuan mengenai takrif keganasan dan tindakan yang perlu dilakukan bersama.

“Mungkin ada perbezaan pendapat tetapi saya rasa perselisihan kecil tidak sepatutnya menghalang kita daripada mendapatkan persetujuan mengenai isi pandangan kita dan tindakan untuk diambil,” ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, walaupun negara-negara Islam secara individu adalah lemah, mereka boleh mempengaruhi sebahagian besar negara lain jika bersatu dan bercakap dengan satu suara.

“Sekarang kita lihat hanya AS yang mempunyai pandangan berbeza, (tetapi) banyak negara Eropah telahpun menyuarakan bantahan keras terhadap tindakan Israel di Palestin.

“Jika ada persetujuan universal mengenai siapa pegganas dan bentuk tindakan yang perlu diambil, maka AS akan terpaksa mendengar pandangan terutamanya negara sekutunya dari Arab dan juga Eropah,” tegas Perdana Menteri.